

Malay Royal Clothing: *Tenggarung* Fabric from the Socio-Cultural Angle of Malay

Mohd Jamil Muhamad Amin*

*Institute of Post Graduate Studies, College of Creative Arts,
UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: 2023514239@student.uitm.edu.my*

Arba'iyah Ab Aziz*

*Department of Visual Culture Studies, Fine Arts,
College of Creative Arts, UiTM Puncak Alam
Selangor, Malaysia
Corresponding author
Email: arbaiyah@uitm.edu.my*

Nor Azlin Hamidon*

*Department of Visual Culture Studies, Fine Arts,
College of Creative Arts, UiTM Puncak Alam
Selangor, Malaysia
Email: norazlinhamidon@uitm.edu.my*

Inda Murni Hairul Anuar*

*Department of Graphic Design, Visual Communication Design,
College of Creative Arts, UiTM Puncak Alam
Selangor, Malaysia
Email: indamurni@uitm.edu.my*

Received Date:**01.07.2024**; Accepted Date: **01.08.2024**; Available Online: **25.10.2024**

*These authors contributed equally to this study

ABSTRAK

Tenggarung cloth is a type of traditional Malay woven textile woven by Malay weavers. Around the 19th century AD, *Tenggarung* cloth was worn by the Royal family and Malay nobility during official government and state ceremonies. This *Tenggarung* fabric is used as the Malay Royal clothing, especially in the states of Pahang, Terengganu, and Kedah. It is used especially by Malay Royal relatives who have a title. Now *Tenggarung* cloth has become less and less known and even less produced by Malay textile weavers due to the lack of demand from the local market in addition to the dumping of textiles from outside such as brocade cloth from India and Pakistan. This research is to study *Tenggarung* cloth as Malay Royal clothing from a Malay socio-cultural point of view. This research uses qualitative methods in the process of collecting research data through two methods, namely primary and secondary. Analytical research is conducted through observation on the visual collection of *Tenggarung* cloth as well as its historical records. Meanwhile, the purpose of this study is also to provide more information to the community about *Tenggarung* cloth as a traditional Malay textile from the aspects of culture, history, heritage and the value of the beauty of the Royal Malay clothing.

Keywords: *Tenggarung* cloth, Malay royalty, Traditional clothing, Textiles, Socio-culture

Pakaian Diraja Melayu: Kain Tenggarung dari Sudut Sosio Budaya Melayu.

Mohd Jamil Muhamad Amin*

*Institute of Post Graduate Studies, College of Creative Arts,
UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: 2023514239@student.uitm.edu.my*

Arba'iyah Ab Aziz*

*Jabatan Pengajian Budaya Visual, Pengajian Seni Halus,
Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Puncak Alam
Selangor, Malaysia
Penulis koresponden
Email: arbaiyah@uitm.edu.my*

Nor Azlin Hamidon*

*Jabatan Pengajian Budaya Visual, Pengajian Seni Halus,
Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Puncak Alam
Email: norazlinhamidon@uitm.edu.my*

Inda Murni Hairul Anuar*

*Jabatan Seni Reka Gerak Kreatif, Pengajian Seni Reka Visual Komunikasi,
Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Puncak Alam
Selangor, Malaysia
Email: indamurni@uitm.edu.my*

Tarikh terima: **1.07.2024**; Tarikh terima: **01.08.2024**; Tarikh terbit: **25.10.2024**

*Semua penulis menyumbang kepada artikel ini.

ABSTRAK

Kain Tenggarung merupakan sejenis tekstil tenunan tradisi Melayu yang ditenun oleh para penenun Melayu. Sekitar abad ke-19 Masihi kain Tenggarung telah dipakai oleh golongan kerabat Diraja dan bangsawan Melayu ketika upacara rasmi kerajaan dan negeri. Kain Tenggarung ini dijadikan pakaian Diraja Melayu terutamanya di negeri Pahang, Terengganu, dan Kedah. Ianya di pakai khasnya oleh kerabat Diraja Melayu yang mempunyai gelaran. Kini kain Tenggarung telah menjadi semakin kurang dikenali malah kurang di hasilkan oleh para penenun tekstil Melayu disebabkan oleh kurangnya permintaan oleh pasaran tempatan selain lambakan tekstil dari luar seperti kain broket India dan Pakistan. Penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kain Tenggarung sebagai pakaian Diraja Melayu dari sudut sosio budaya Melayu. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dalam proses pengumpulan data kajian melalui dua kaedah iaitu primer dan sekunder. Kajian analisis dijalankan melalui observasi pada koleksi visual kain Tenggarung serta rekod sejarahnya. Dalam pada itu tujuan kajian ini juga memberikan lebih informasi kepada masyarakat mengenai kain Tenggarung sebagai tekstil tradisi Melayu dari aspek kebudayaan, sejarah, warisan dan nilai keindahan pakaian Diraja Melayu.

Kata kunci: *Kain Tenggarung, Diraja melayu, Pakaian adat, Tekstil, Sosiobudaya*

PENGENALAN

Tekstil di Alam Melayu telah berkembang dan membangun selari dengan pencapaian ketamadunan manusia khasnya bangsa Melayu. Menurut Harris (2010) tekstil di Alam Melayu telah bermula dengan adanya hubungan sosial orang Melayu samada melalui hubungan perdagangan dan perkahwinan bersama-sama pedagang serta orang luar dari Alam Melayu. Tekstil di Alam Melayu telah memainkan peranan yang penting serta menjadi budaya benda yang kerap kali digunakan sebagai pakaian adat masyarakat Melayu (Leong, 2023). Leong (2023) menjelaskan bahawa tekstil di alam Melayu banyak mengandungi pengaruh luar khasnya daripada India dan China. Ini jelas di dapati melalui kaedah pembuatan, bahan, rekaan dan jenis kain yang kebanyakannya dipakai semasa upacara adat dan ritual keagamaan.

Kain Tenggarung merupakan tekstil tenunan tradisi Melayu yang menghasilkan dua jenis tenunan iaitu Kain Limar Tenggarung dan Songket Tenggarung, ianya banyak di hasilkan oleh para penenun Melayu di negeri beraja Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Catatan oleh Yusof (2020) menulis bahawa Songket Tenggarung merupakan sejenis tekstil Melayu yang di tenun serta mempunyai reka corak dan motif secara berjulur atau berdiri. Fakta ini disokong oleh Hussin (2017) yang menjelaskan kain Tenggarung merupakan tekstil tenunan Melayu yang dihasilkan dengan reka corak dan motif berjulur serta ianya di tenun dalam dua jenis kain iaitu Kain Limar Bersongket atau Songket Tenggarung. Hussin (2017) juga menyatakan bahawa Songket Tenggarung merupakan tekstil yang di pakai oleh golongan kerabat Diraja dan bangsawan Melayu terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu ketika abad ke-19 dan abad ke-20 masih.

Dengan berkembangnya masa, waktu serta perkembangan sosial orang Melayu, ianya telah mengubah banyak lanskap sejarah dan nilai kebudayaan Melayu khususnya di Semenanjung Tanah Melayu. Kini kain Tenggarung semakin terpinggir dan dilupakan oleh orang Melayu yang merupakan pakaian Diraja Melayu serta penghasilannya semakin kurang (Ismail, 2022). Selain itu, kemasukan tekstil luar yakni kain broket daripada India dan Pakistan telah banyak memberikan impak yang negatif kepada kain Tenggarung (Ismail, 2022). Penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kain Tenggarung sebagai pakaian Diraja Melayu dari sudut sosio budaya Melayu. Kajian penyelidikan ini juga memberi pemahaman dan informasi mengenai Songket Tenggarung kepada generasi muda mengenai kesenian tekstil tradisi Melayu iaitu kain Tenggarung dari aspek sosio budaya serta nilai keindahan pakaian Diraja Melayu.

TEKSTIL DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Semenanjung Tanah Melayu merupakan jajaran tanah yang menghubungkan kawasan Indo-China di bahagian utara, Pulau Sumatera di bahagian barat, Laut China Selatan di bahagian timur serta Singapura di bahagian Selatan. Ianya mempunyai sembilan buah negeri beraja serta tiga negeri tidak beraja. Setiap negeri beraja tersebut mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri melalui sistem beraja yang tersendiri serta telah wujud sejak abad ke-15 masih hingga kini. Malah, Kesultanan Melayu-Kedah merupakan institusi beraja Melayu yang tertua di Semenanjung Tanah Melayu (Hakim, 2017). Tekstil Melayu merupakan satu bentuk budaya benda yang sering kali dikaitkan dengan institusi beraja Melayu khususnya yang masih wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Tekstil seperti Songket, Tenun, Tekat, Kelingkan, dan Tenggarung adalah di antara jenis-jenis tekstil tradisi Melayu yang seringkali menjadi pilihan kerabat Diraja Melayu sejak era awal perkembangannya (Aziz, 2009). Perkara ini telah menyebabkan pihak istana Kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu mempunyai penenun khas serta diberikan banyak keistimewaan dalam menghasilkan tekstil bagi keperluan kerabat Diraja Melayu.



Gambar 1. Penenun kain di Tanah Melayu sekitar tahun 1900
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Aziz (2018) menjelaskan bahawa pusat tenunan tradisi Melayu adalah di kawasan pantai timur Semenanjung Tanah Melayu iaitu di Kelantan dan Terengganu kerana di kedua-dua kawasan tersebut sehingga kini masih terdapatnya para penenun tradisi Melayu yang menghasilkan tekstil tenunan tradisi Melayu. Fakta menyatakan bahawa, teknik serta kemahiran tenunan tekstil tradisi Terengganu telah menyebar ke kawasan Kesultanan Melayu-Riau dan Kesultanan Melayu-Siak sekitar abad ke-18 masihi. Fakta ini di sokong oleh Nawawi (2007) dengan menyatakan bahawa kemahiran serta kesenian pembuatan tekstil tradisi tenunan Melayu-Terengganu telah dibawa masuk ke kedua-dua daerah Kesultanan Melayu tersebut daripada Terengganu semasa era pemerintahan Sultan Mansur Riayat Syah 1 ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin Shah 1 (1725 Masihi – 1798 Masihi), baginda Almarhum Tuanku juga dikenali sebagai Tun Dalam atau Marhum Janggut. Dikatakan bahawa baginda berkahwin dengan seorang puteri Diraja Kesultanan Melayu-Riau dan telah membawa masuk para penenun daripada Terengganu ke Riau bagi mengajar para penenun di situ. Ini jelas menunjukkan terdapat persamaan daripada aspek pembuatan tekstil tradisi Melayu khususnya Songket. Persamaan yang ketara juga boleh didapati pada penggunaan alat tenunan yang dikenali sebagai ‘kek’ yang merupakan alat tenunan tekstil tradisi Melayu.


PAKAIAN DIRAJA MELAYU DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Pakaian Diraja Melayu atau juga dikenali sebagai busana adat Diraja Melayu merupakan pakaian yang kerap kali digunakan oleh golongan Diraja dan bangsawan Melayu sejak era kegemilangan Kerajaan Melayu (Aziz, 2009). Mewarisi adat istiadat dan warisan Kesultanan Melayu-Melaka sejak tahun 1400 Masihi lagi pakaian Diraja Melayu masih diamalkan oleh institusi beraja Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Ismail (2018) menjelaskan bahawa istilah Pakai Cara Melayu merupakan istilah yang kerap kali menjelaskan mengenai etika pemakaian dan busana Melayu ketika era pemerintahan Kesultanan Melayu-Melaka. Ianya telah menjadi panduan serta amalan bagi institusi beraja Melayu hingga kini. Pakaian Diraja Melayu terdiri daripada lima jenis persalinan iaitu baju Melayu berbutang lima berceka musang, seluar, samping, bengkung atau ikat pinggang dan setangan atau ikat kepala (Ismail, 2018).

Pakaian Diraja Melayu adalah mengikut aturan pemakaian yang merujuk kepada status sosial serta kekanan seorang anak Raja bergelar. Aturan adat istana Melayu ini masih diamalkan di negeri Perak, Pahang, Selangor dan Kedah. Pakaian Diraja Melayu-Perak adalah mengikut jenis warna serta ikatan

Tengkolok yang digunakan. Ianya adalah merujuk kepada pangkat dan status sosial bagi seorang anak Raja di dalam institusi Kesultanan Melayu-Perak begitu juga di Selangor, Pahang, Kedah, Negeri Sembilan dan negeri beraja di Semenanjung Tanah Melayu yang lain (Aziz, 2009).

Sementara itu, Sheppard (2011) menjelaskan bahawa pakaian Diraja Melayu menggunakan tekstil tenun benang emas dan bercorak penuh. Tekstil seperti Kain Limar Tenggarung dan Songket Tenggarung kerap kali digunakan dalam pemakaian pakaian Diraja Melayu. Malah ianya telah menjadi gaya busana dalam pementasan bangsawan Melayu sejak era awal pementasan teater bangsawan Melayu. Sheppard (2011) juga menulis bahawa kesenian teater bangsawan Melayu telah mengadaptasi cerita yang diambil daripada kisah istana Melayu serta penggunaan tata cara dan pemakaian busana Diraja Melayu kerap kali di gayakan bagi pementasan teater bangsawan Melayu sekitar awal 1900 hingga lewat 1950an.




Gambar 2. Barisan sultan dan raja melayu semasa persidangan raja-raja melayu sekitar lewat tahun 1940-an
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan kajian yang mengguna pakai kaedah kualitatif dengan pendekatan ‘Grounded Theory’ melalui dua kaedah pengumpulan data iaitu primer dan sekunder. Data kajian diperoleh melalui observasi yang dilakukan oleh penyelidik melalui data-data visual, sumber bertulis dan rekod-rekod lama yang mengandungi maklumat mengenai kain Tenggarung. Penyelidik juga membuat analisis pada setiap data visual yang di perolehi serta mendapatkan maklumat bagi setiap data tersebut dari aspek sosio budaya pada pakaian Diraja Melayu yang menggunakan songket Tenggarung. Pakaian Diraja Melayu ini hanya memfokuskan kepada pakaian Diraja Melayu yang hanya terdapat di Semenanjung Tanah Melayu. Rajah 3 di bawah merupakan kerangka kajian yang telah di gunakan bagi kaedah pengumpulan data kajian bagi penyelidikan ini.

Carta 2. Kerangka Kajian bagi pengumpulan data penyelidikan



DAPATAN KAJIAN

Songket Tenggarung sebagai Pakaian Diraja Melayu

Institusi beraja Melayu di Semenanjung Tanah Melayu telah mempunyai pakaian Dirajanya yang tersendiri. Songket Tenggarung telah menjadi pakaian Diraja yang telah di pakai oleh golongan bangsawan dan kerabat Diraja Melayu sejak awal abad ke-18 Masihi lagi. Pakaian Diraja Melayu yang menggunakan kain Tenggarung telah menjadi pakaian Diraja bagi Putera Raja serta anak Raja bergelar di negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Kedah. Rekod visual juga menunjukkan bahawa pemakaian pakaian Diraja Melayu yang diperbuat daripada kain Tenggarung telah dipakai semasa adat upacara pertabalan Diraja, hari keputeraan Diraja dan acara rasmi Diraja Melayu. Di negeri Pahang pula kain Tenggarung telah menjadi pakaian rasmi yang telah dipakai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (K.D.Y.M.M) Almarhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah Ibni Almarhum Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Shah (1904–1974) dan baginda tuanku telah memakai sepersalinan pakaian Diraja Pahang yang mengandungi satu set lengkap pakaian Diraja iaitu: Baju Melayu, samping, bengkung dan tengkolok. Gaya pemakaian pakaian Diraja Pahang ini masih kekal diwarisi dan diamalkan oleh Putera Raja bergelar bagi negeri Pahang kini.



Gambar 3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia (K.D.Y.M.M) Almarhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah Ibni Almarhum Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Shah (1904 – 1974) memakai pakaian Diraja Pahang yang diperbuat daripada kain Tenggarung

(Sumber: Arkib Negara)

Selain daripada itu, kain Tenggarung juga telah dijadikan pakaian Diraja bagi Kesultanan Melayu-Kedah dan Melayu-Negeri Sembilan, ini dijelaskan dengan pemakaian kain Tenggarung menjadi pakaian Diraja bagi anak Raja bergelar bagi kedua-dua institusi Kesultanan Melayu tersebut. Di Kedah menunjukkan bahawa Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Kedah telah memakai kain Tenggarung sebagai pakaian Diraja Kedah pada sekitar tahun 1950 an. Manakala di Negeri Sembilan pula kain Tenggarung telah dipakai oleh Yang Amat Mulia Tunku Zain Al'Abidin ibni Tunku Mukhriz. Ini jelas menunjukkan kain Tenggarung telah menjadi tekstil tradisi Melayu yang digunakan oleh Kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu malah pemakaian kain Tenggarung kerap dipakai oleh anak Raja Melayu sekitar tahun 1900 an.



Gambar 4. Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Kedah sekitar 1950-an
(Sumber: Arkib Negara)



Gambar 5. Kelihatan Yang Amat Mulia Tunku Zain Al'Abidin (dua pada barisan kedua dari kanan) memakai Songket Tenggarung semasa upacara di Istana Besar Seri Menanti, Negeri Sembilan
(Sumber: Portal Diraja Negeri Sembilan)

Kain Tenggarung dari aspek Sosio Budaya Melayu

Institusi beraja di Semenanjung Tanah Melayu banyak mengekalkan serta mengamalkan adat istiadat serta sosio budaya Diraja Melayu. Ianya telah diwarisi sejak era Kesultanan Melayu-Melaka lagi. Aspek sosio budaya samada budaya benda dan budaya bukan benda telah menjadi amalan turun temurun oleh setiap Kesultanan Melayu hingga kini. Sosio budaya ini telah mempengaruhi segala aspek seperti pakaian, makanan, bahasa, cara hidup, agama, adat istiadat dan kebudayaan yang telah diwarisi sejak lebih 500 tahun. Pakaian Diraja Melayu ini masih di teruskan serta menjadi amalan oleh Kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Sistem adat Diraja Melayu telah memainkan peranan dalam menentukan kelas sosial bagi para kerabat Diraja dan bangsawan Melayu, malah ianya telah ditafsirkan melalui rupa bentuk serta reka corak yang terdapat pada pakaian Diraja Melayu. Pengaruh kebudayaan luar Alam Melayu seperti India, China, Arab dan Turki telah menyerap di dalam kontek sosio budaya Kesultanan Melayu dengan menjadikan Islam sebagai tunjang kepada keseluruhan. Malah ianya telah mempengaruhi pada rupa dan reka bentuk pakaian Diraja Melayu.

Kain Tenggarung menjadi pilihan dengan terdapatnya kepelbagaiannya dalam kontek sosio budaya telah bercampur baur di kalangan orang Melayu sejak era kegemilangan Kesultanan Melayu-Melaka pada sekitar abad ke-15 Masihi. Pemakaian kain Tenggarung ini menjadi satu kebiasaan yang digunakan oleh anak Raja bergelar dan bangsawan Melayu sebagai pakaian rasmi semasa menghadiri upacara Diraja. Selain itu, kain Tenggarung juga memberikan satu bentuk perlambangan dari aspek sosio budaya serta merujuk kepada status dan tahap kebangsawanannya di kalangan kerabat Diraja Melayu. Ini jelas menunjukkan bahawa pemakaian pakaian Diraja Melayu ini telah menjadi lambang serta mengandungi nilai sosial kepada Kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Gambar 6.0 menunjukkan seorang Putera Raja Pahang dengan memakai persalinan lengkap pakaian Diraja yang diperbuat daripada kain Tenggarung.



Gambar 6. Kerabat bergelar bagi negeri Pahang Darul Makmur (dua dari kanan) memakai pakaian Diraja yang diperbuat daripada Songket Tenggarung atau berjalur
(Sumber: Portal Diraja Negeri Pahang)

Ini jelas menunjukkan bahawa pemakaian pakaian Diraja Melayu ini telah menjadi lambang serta mengandungi nilai sosial kepada institusi kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kain Tenggarung merupakan satu warisan tekstil tradisi Diraja Melayu di Semenanjung Tanah Melayu malah ianya telah diamalkan sejak era awal hingga tahun 1900an lagi. Kini pakaian Diraja Melayu ini hanya menjadi pilihan bagi anak Raja bergelar serta golongan bangsawan Melayu khususnya di Pahang. Kini budaya pemakaian kain Tenggarung seharusnya dikekalkan serta di angkat semula oleh golongan kerabat Diraja dan bangsawan Melayu melalui pemakaian lengkap semasa upacara khas Diraja. Ini penting bagi melestarikan lagi nilai keunggulan seni warisan tenunan tradisi Melayu. Ianya juga dapat membantu para penenun tradisi Melayu menghasilkan tenunan kain Tenggarung sebagai satu bentuk memelihara kesenian kain Tenggarung sebagai tekstil tradisi Diraja Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Selain dengan memurnikannya lagi pemakaian kain Tenggarung di kalangan kerabat Diraja dan bangsawan Melayu dapat menjana lebih ekonomi kepada para penenun tradisi Melayu selain memelihara warisan serta kesenian tekstil Melayu.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak serta mereka yang banyak membantu dalam memberikan maklumat mengenai penyelidikan Songket Tenggarung ini khasnya kepada kedua-dua penyelia iaitu Prof. Madya Dr. Arba'iyah Ab Aziz dan Prof. Madya. Dr. Nor Azlin Hamidon. Selain itu juga kepada pihak UiTM, Arkib Negara, Muzium Negara, Perbadanan Adat dan Warisan Melayu Selangor (PADAT) serta Portal rasmi Diraja Melayu bagi setiap negeri-negeri Beraja di Malaysia.

REFERENCES

- Aziz, A. (2009). *Rupa & gaya busana melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz, A. I. A. (2018). *Simbolisme dalam motif songket melayu Terengganu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Harris, J. (2010). *5000 years of textile*. British Museum Press.
- Hussin, A. T. H. (2017). *Penghasilan semula kain limar tenggarung di Semenanjung Malaysia berdasarkan bahan, teknik dan corak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, M. R. (2022, September 28, 2022). Pengkaji sejarah tekstil masih kurang. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/09/886417/pengkaji-sejarah-tekstil-masih-kurang>
- Hakim, L. (2017). The malay world in history: Study on malay identity. *Journal of Malay Islamic Studies*, 1(1), 101-112. <https://doi.org/10.19109/jmis.v1i2.3838>.
- Leong, C. (2023). 4 reasons to celebrate the splendour of malay world textiles. *Eksentrika*. <https://www.eksentrika.com/malay-world-textiles-john-ang/>
- Nawawi, N. M. (2007). *Songket Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur Malaysia.

- Ismail, S. Z. (2018). *Reka bentuk kraf tangan melayu tradisi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sheppard, T. S. D. M. (2011). *Malay arts and crafts*. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Yusof, M. A. M. (2020). *Ratu kain satu rumpun, satu warisan*. Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia.